

Bersedia hadapi pelbagai situasi

UB 2-12-2017 B3

► Kem latihan medan tingkat kemahiran Siswa APM UMS



PARA peserta merakamkan gambar kenangan selepas upacara penutupan kem itu.

sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian.

Sehubungan itu seramai 129 pegawai kadet Pasukan Siswa APM UMS telah menjalani Kem Latihan Medan Pasukan Siswa APM UMS di Outdoor Development Center (ODEC), UMS baru-

baru ini.

Kem ini merupakan salah satu penilaian wajib kepada mahasiswa yang mengambil subjek kokurikulum di UMS.

Kem medan kali ini disertai oleh pegawai kadet yang terdiri daripada Pegawai Kadet Junior (Semester 1), Intermediate (Semester 3) dan Pegawai Kadet Senior (Semester 5) yang bertindak sebagai urusetia pelaksana dan dipantau oleh jurulatih bertugas.

Objektif kem medan ini adalah membentuk daya tahan daripada segi fizikal, mental dan emosi pegawai kadet dalam pelbagai situasi terutamanya situasi yang melibatkan kes-kes kecemasan dan tekanan.

Selain daripada itu, pegawai kadet juga didedahkan

dengan pelbagai bentuk kemahiran sebagai seorang penyelamat agar bersedia dalam menghadapi situasi yang memerlukan khidmat mereka sebagai *first responder* amnya dan penyelamat utama khususnya.

Disamping itu, kem ini juga bertujuan untuk mendidik pegawai kadet pasukan siswa APM UMS agar sentiasa berdisiplin dan bekerja sebagai satu pasukan samada di dalam ataupun di luar kampus.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tiga hari berlangsungnya kem medan ini adalah kawad kaki, latihan menyelamat, ikhtiar hidup dan kecergasan.

Timbalan Komandan Pasukan Siswa APM UMS, Kolonel Bersekutu (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin berkata, program ini memberi

impak kepada pelajar melalui pendedahan awal tugas sebenar APM dalam menjalankan tugas mencari dan menyelamat di dalam hutan dengan menggunakan sumber bahan/ alat dan logistik yang terhad dengan sepenuhnya.

Selain itu katanya pelajar dapat mengenalpasti sumber hasil hutan yang bermanfaat untuk digunakan sebagai alat ganti menyelamat dan pelajar didedahkan dengan sumber hutan yang boleh di makan untuk kelangsungan hidup di dalam hutan belantara sekiranya berlaku bencana atau sesat di hutan.

"Ini diselaraskan dengan peranan APM dalam melakukan kerja bantuan bencana atau memberi perlindungan bagi menjamin keselamatan nyawa, orang



PARA peserta melakukan aksi menyelamat dalam hutan pada kem latihan medan pasukan Siswa APM UMS.

atau harta benda penduduk awam sekiranya berlaku atau akan berlaku bencana serta memudahkan pemuliharaan mangsa selepas bencana tersebut selaras dengan Seksyen 8(1) Akta 221," katanya.

Kapt. Bersekutu (PA) Suffian Osman telah mewakili Komandan Pasukan Siswa APM UMS telah melakukan upacara penutupan kem dan penyampaian hadiah kepada para peserta kem.

“Objektif kem medan ini adalah membentuk daya tahan daripada segi fizikal, mental dan emosi pegawai kadet dalam pelbagai situasi terutamanya situasi yang melibatkan kes-kes kecemasan dan tekanan.”



RAWATAN kecemasan kepada mangsa.